

# Projek bekalan gas asli 96km usaha sama 'menang-menang'

9 AUG 2007

DENPASAR 8 Ogos — Projek bekalan gas asli Natuna, Indonesia ke Kompleks Duyung, Terengganu melalui saluran paip sepanjang 96 kilometer dilancarkan hari ini dalam satu usaha sama perniagaan 'menang-menang' antara Petronas dan Pertamina.

Pelancaran projek bersejarah di Istana Tampaksiring, di sini dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden Megawati Sukarnoputri.

Projek yang melibatkan pelaburan awal oleh Pertamina RM9.5 bilion dan memberikan pendapatan bernilai RM10 bilion dalam tempoh 20 tahun kepada Indonesia itu pada peringkat awal membekalkan 100 juta kubik kaki gas asli setiap hari.

Bekalan dijadual akan ditambah sehingga mencapai 250 juta kubik kaki pada tahun 2007.

Menjelang tamatnya kontrak 20 tahun, dijadualkan lebih 1.5 triliun kaki kubik gas dapat dijual ke Malaysia.

Projek Additional Dry Gas Fields (ADGF) itu merupakan hasil kerjasama antara Pertamina dan Conoco Indonesia Inc. Ltd (CIIL) yang berperanan sebagai operator Blok B berkenaan.

CIIL diberi kontrak oleh Pertamina untuk menguruskan eksport gas asli termasuk pembinaan saluran paip di mana ia direka bentuk untuk bertahan di dasar laut selama 30 tahun.

Dalam projek itu, Pertamina dan CIIL membina 70 kilometer saluran paip manakala selebihnya dibina oleh Petronas. Gas asli ini turut dibekalkan ke Singapura.

Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin berkata, projek itu dapat dilihat sebagai satu kerjasama untuk saling

bantu membantu antara Petronas dan Pertamina dalam menghadapi kemungkinan pertambahan permintaan terhadap bahan bakar berkenaan pada masa depan.

Katanya, saluran paip yang menghubungkan Natuna dengan Malaysia merupakan komponen terbaru ke arah merealisasikan rancangan membangunkan rangkaian Saluran Paip Gas Asli Trans-ASEAN sepanjang 4,500 kilometer.

Pada majlis pelancaran itu, Dr. Mahathir dan Megawati turut diberi kesempatan untuk menemubual kakitangan Pertamina dan Petronas yang masing-masing berada di pelantar Hang Tuah, Natuna dan Kompleks Duyung, Terengganu.

Sementara itu, Petronas hari ini menandatangani memorandum persefahaman bagi mempermudah pemeteraian Perjanjian Jualan Gas oleh Sumatera kepada Malaysia.

MoU itu melibatkan kontraktor perkongsian pengeluaran Pertamina, Gulf Resources, YPF dan Santos, yang mengendalikan medan-medan gas darat di Sumatera Selatan yang dikenal pasti akan membekalkan gas kepada Malaysia.

MoU yang dimeterai di Bali itu ditandatangani oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd. Hassan Marican dan Presiden Pengarah Pertamina, Baihaki Hakim.

Majlis menandatangani MoU itu disaksikan oleh Perdana Menteri, Dr. Mahathir dan Megawati. Terdahulu, Perdana Menteri dan Presiden Megawati mengadakan rundingan dua hala. — Utusan